

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL  
AZIZ [ TANAH MERAH ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah siswazah yang masih menganggur sejak dua tahun lalu dan apakah puncanya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pencari kerja yang berdaftar dengan Portal *JobsMalaysia*, Kementerian Sumber Manusia sehingga Oktober 2019, seramai 290,898 orang pendaftar aktif pencari kerja yang terdiri seramai 210,868 orang siswazah. Manakala kekosongan pekerjaan yang didaftarkan oleh majikan-majikan ialah sebanyak 847,010 jawatan kosong yang terdiri daripada sebanyak 69,293 kekosongan untuk kategori siswazah dan sebanyak 777,717 kekosongan jawatan bagi kategori pekerjaan bukan siswazah di pelbagai jawatan sektor awam dan swasta dalam negara.

2. Melalui pelbagai program-program penempatan pekerjaan yang dijalankan bagi tempoh Januari hingga Oktober 2019, seramai 137,333 orang pencari kerja yang terdiri dari 41,090 orang siswazah telah berjaya ditempatkan di pelbagai sektor industri.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Pengangguran siswazah ini adalah sebahagian daripada proses peralihan biasa bagi siswazah daripada universiti untuk memasuki ke alam pekerjaan dan pelbagai usaha diambil untuk membantu mereka mendapatkan pekerjaan.